

UniMAP sebagai Muroran's Sister University

10 Disember 2008-Muroran Institute of Technology telah menjemput Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), menjadi salah satu daripada "Sister University". Maklumat ini, telah disampaikan oleh Professor Dr. Fujiki Hiroyuki daripada Jabatan Kejuruteraan Sistem Mekanikal semasa lawatan ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

"Ini adalah lawatan yang ke-2 oleh University Muroran. Lawatan pertama mereka pada tahun lepas. Kami amat berminat untuk bekerjasama dengan lebih rapat, dan dengan itu, kami memanjangkan lagi perlawaan untuk UniMAP, menjadi Muroran's Sister Universiti", ujar Dr. Fujiki dalam 2 jam dialog bersama Dekan UniMAP.

Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain, yang menyertai dialog memberitahu bahawa 2 orang staf UniMAP - Ruslinda Abdul Rahim dan Dr. Rakhmad Arief Siregar - adalah lepasan ijazah daripada Muroran. Kedua-dua mereka telah menemani pelawat dalam lawatan tersebut dan telah menjalankan kerja dengan baik". Kami berasa gembira dengan Muroran, dan akan segera melihat proposal" ujar Dr. Zuraidah.

Selain daripada Dr. Fujiki, delegasi-delegasi lain terdiri daripada Mr. Keiichi Narita dan Mr. Suguru Nagatoshi.